



SG Digital

Kit Permulaan di Instagram

TAHUKAH ANDA?



Jika anda tidak mahu menyiarkan item yang akan kekal berada di Instagram untuk masa yang lama, anda boleh mewujudkan Cerita Instagram yang disiarkan selama 24 jam sahaja!

LANGKAH 1 Pasang Aplikasi Instagram di telefon bimbit anda


Sila ke **Apple App Store**  atau **Google Play Store**  untuk muat turun **Aplikasi Instagram** dan lancarkan aplikasi tersebut.

1. Untuk pengguna iOS, ketik 'Get' (dapatkan) untuk muat turun aplikasi.
2. Untuk pengguna Android, ketik 'Install' (pasang) untuk muat turun aplikasi.


LANGKAH 2 Daftar untuk Instagram




3. Lancarkan aplikasi. Ketik 'Sign up' untuk mewujudkan akaun.



4. Masukkan sama ada 'Phone Number' atau 'Email Address' anda. Ketik 'Next'.




5. Masukkan 'Confirmation Code' yang dihantarkan ke nombor telefon mudah alih atau alamat e-mel anda. Ketik 'Next'.




6. Ikuti langkah-langkah di skrin untuk melengkapkan penyediaan profil anda! Ketik 'Sign Up' untuk melengkapkan proses pendaftaran anda!


LANGKAH 3 Tambah rakan di Instagram, tambah dan beri reaksi terhadap siaran



7. Ketik pada kanta pembesar untuk mencari rakan.



8. Masukkan nama profil rakan anda dan satu senarai profil akan dipaparkan. Ketik pada orang yang anda cari.



9. Ketik 'Follow' untuk menambah Instagram rakan anda.



10. Anda boleh memberi reaksi terhadap siaran dengan mengetik pada ikon.

Anda juga boleh mengetik ikon '+' di tengah untuk mewujudkan siaran anda sendiri.

-  Untuk suka siaran
-  Untuk memberi komen terhadap siaran
-  Untuk berkongsi siaran

Petua keselamatan siber (Penghargaan: Facebook)

- Pilih kata laluan yang kuat seperti gabungan sekurang-kurangnya enam nombor, huruf dan tanda baca (seperti ! dan &) untuk akaun anda dan tetapkan pengesahan dua faktor (2FA) untuk keselamatan tambahan.
- Jangan sekali-kali memberikan kata laluan anda kepada seseorang yang anda tidak kenali dan tidak percayai.
- E-mel dari Instagram/Facebook berkenaan akaun anda hanya akan datang dari @mail.instagram.com atau @facebookmail.com.